

ENBREL SOLUTION FOR INJECTION IN A PRE-FILLED SYRINGE

Etanercept (25 mg, 50 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Enbrel
2. Bagaimana Enbrel berfungsi
3. Sebelum menggunakan Enbrel
4. Cara menggunakan Enbrel
5. Semasa menggunakan Enbrel
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Enbrel
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk

Apakah kegunaan Enbrel

Enbrel ialah ubat biologi yang dibuat oleh organisma hidup. Ubat tersebut meniru bahan yang dihasilkan oleh badan anda.

Enbrel digunakan untuk merawat:

- **Rheumatoid Arthritis (RA)** aktif tahap sederhana hingga teruk. Ia adalah keradangan sendi yang berpanjangan. Enbrel boleh digunakan sendirian atau dengan ubat yang dipanggil methotrexate.
- **Polyarticular juvenile idiopathic arthritis** aktif bagi kanak-kanak berumur 2 tahun ke atas yang mengalami respons yang tidak mencukupi atau tidak toleran terhadap methotrexate. *Polyarticular juvenile idiopathic arthritis* merupakan keradangan pada banyak sendi yang tidak diketahui puncanya yang berlaku pada kanak-kanak.
- **Psoriatic arthritis** aktif. *Psoriatic arthritis* adalah khususnya keradangan sendi yang berkaitan dengan penyakit kulit yang dipanggil *psoriasis* yang muncul seperti sisik atau keruping. Enbrel boleh digunakan sendirian atau dengan methotrexate.
- **Axial spondyloarthritis** aktif yang termasuk *ankylosing spondylitis* dan *non-radiographic axial spondyloarthritis* yang menunjukkan respons yang tidak

mencukupi kepada ubat antikeradangan bukan steroid (NSAID). Ia adalah keradangan sendi yang berpanjangan yang melibatkan tulang belakang dan sendi lain yang menyambungannya kepada tulang pinggul.

- **Plaque psoriasis** tahap sederhana hingga teruk bagi orang dewasa atau **plaque psoriasis** teruk dan berpanjangan bagi kanak-kanak berumur 6 tahun ke atas yang tidak toleran atau belum menerima manfaat daripada rawatan lain seperti cyclosporine, methotrexate atau psoralen dan sinar ultraviolet A (PUVA).

Bagaimana Enbrel berfungsi

Enbrel ialah protein pergabungan manusia yang mengikat kepada protein lain di badan yang menyebabkan keradangan dan seterusnya akan mengurangkan keradangan dan kerosakan terhadap sendi anda.

Sebelum menggunakan Enbrel

- *Bila tidak boleh menggunakan*

- Jangan ambil Enbrel jika anda alah kepada etanercept atau kepada mana-mana ramuan lain dalam Enbrel.
- Jangan ambil Enbrel jika anda mengalami *sepsis* (suatu keadaan yang mengancam nyawa sebagai respons terhadap sebarang jangkitan, yang mengakibatkan kecederaan terhadap tisu dan organ diri sendiri) atau berisiko mengalami *sepsis*.
- Jangan ambil Enbrel jika anda mengalami jangkitan aktif yang serius atau berpanjangan atau jangkitan setempat.
- Jangan ambil Enbrel jika anda mengalami masalah saluran darah yang dipanggil *Wegener's granulomatosis*.

Mengandung dan menyusukan anak
Jangan ambil Enbrel jika anda hamil, sedang mencuba untuk hamil atau berpendapat anda mungkin hamil.

Anda mesti menggunakan kaedah kawalan kelahiran yang berkesan semasa rawatan dan selama 3 minggu selepas anda menghentikan rawatan dengan Enbrel. Maklumkan doktor anda dengan segera jika anda hamil atau berpendapat anda mungkin hamil semasa mengambil Enbrel. Doktor anda akan menasihati anda mengenai risiko yang berkemungkinan terhadap bayi dalam kandungan anda.

Penggunaan Enbrel semasa menyusukan anak belum lagi terbukti selamat. Enbrel diserap ke dalam susu ibu. Jangan ambil Enbrel jika anda sedang menyusukan anak. Anda dan doktor anda hendaklah memutuskan sama ada anda akan mengambil Enbrel atau menyusukan anak. Anda tidak seharusnya melakukan kedua-duanya.

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil sebarang ubat.

- *Sebelum mula menggunakan Enbrel*

Sebelum mengambil Enbrel, beritahu doktor anda jika anda:

- Pernah mengalami jangkitan yang berulang, jangkitan kronik, atau keadaan sedia ada yang boleh menyebabkan anda cenderung mendapat jangkitan termasuk, jangkitan serius seperti *sepsis* dan batuk kering (TB) atau jika anda mempunyai tanda-tanda dan simptom jangkitan seperti demam, berpeluh atau menggigil, batuk atau simptom seperti demam selesema. Sebelum

ENBREL SOLUTION FOR INJECTION IN A PRE-FILLED SYRINGE

Etanercept (25 mg, 50 mg)

memulakan rawatan dengan Enbrel, doktor anda seharusnya menilai dan merawat anda untuk sebarang jangkitan dan batuk kering (aktif/laten). Jika anda mengalami jangkitan TB laten, rawatan pencegahan seharusnya diberikan sebelum rawatan dengan Enbrel.

- Mengalami atau pernah mengalami masalah hati termasuk jangkitan terdahulu atau semasa dengan virus hepatitis B dan virus hepatitis C dan hepatitis (keradangan hati) alkoholik sederhana hingga teruk.
- Mengalami risiko limfoma atau jenis kanser lain atau kanser kulit.
- Mengalami kencing manis, doktor anda mungkin mengurangkan dos ubat kencing manis anda.
- Mengalami pengurangan bilangan sebarang jenis sel darah dalam badan anda.
- Baru-baru ini pernah disuntik vaksin. Kanak-kanak seharusnya memastikan pengimunan mereka lengkap sebelum memulakan rawatan dengan Enbrel.
- Mengalami atau pernah mengalami sebarang gangguan neurologi termasuk penyakit *multiple sclerosis* dan/atau sindrom *Guillain-Barré* (suatu penyakit di mana sarung pelindung yang meliputi sel saraf rosak). Doktor anda seharusnya menjalankan penilaian neurologi jika anda mengalami, pernah mengalami atau lebih berisiko mengalami penyakit *demyelinating*.
- Mengalami aktiviti pengepaman jantung berkurangan yang dikenali sebagai kegagalan jantung kongestif. Enbrel boleh mengakibatkan kegagalan jantung anda bertambah teruk.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda mengenai semua ubat yang anda ambil, termasuk ubat preskripsi dan tanpa preskripsi yang dibeli dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Penggunaan Enbrel dengan ubat tertentu boleh mempengaruhi antara satu sama lain dan mengakibatkan kesan sampingan yang serius. Enbrel boleh mempengaruhi cara ubat lain berfungsi, dan ubat lain boleh mempengaruhi cara Enbrel berfungsi.

Khususnya beritahu doktor anda jika anda mengambil:

- Anakinra atau Abatacept (ubat lain yang digunakan untuk merawat RA). Anda mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mengalami jangkitan serius atau kesan sampingan semasa mengambil Enbrel dengan ubat tersebut.
- Sulfasalazine (ubat lain yang digunakan untuk merawat RA). Anda mempunyai risiko yang lebih tinggi dalam pengurangan sel darah putih apabila digunakan serentak dengan ubat ini.
- Imunosupresan lain.
- Ubat kencing manis.

Cara menggunakan Enbrel

Sila rujuk arahan langkah demi langkah dalam lampiran 1.

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Jika anda tidak pasti, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Rawatan Enbrel seharusnya dimulakan dan diselia oleh doktor pakar yang berpengalaman dalam

diagnosis dan rawatan penyakit yang disenaraikan di bawah.

Orang dewasa (18-64 tahun)
Rheumatoid Arthritis, Psoriatic arthritis, Ankylosing Spondylitis dan *Non-radiographic Axial Spondyloarthritis*
25 mg dua kali seminggu atau 50 mg sekali seminggu.

Plaque psoriasis
25 mg dua kali seminggu atau 50 mg sekali seminggu. Sebagai pilihan lain, 50 mg yang diberikan dua kali seminggu boleh digunakan sehingga 12 minggu, jika perlu diikuti dengan dos 25 mg dua kali seminggu atau 50 mg sekali seminggu. Rawatan Enbrel perlu diteruskan sehingga penyakit reda, sehingga 24 minggu. Walau bagaimanapun, rawatan melebihi 24 minggu mungkin diperlukan bagi sesetengah orang dewasa. Rawatan lazimnya dihentikan jika masih tiada respons selepas 12 minggu rawatan.

Polyarticular juvenile idiopathic arthritis
Bagi kanak-kanak, dos Enbrel seharusnya mengikut berat badan (mg/kg) bagi kanak-kanak dengan berat badan kurang daripada 62.5 kg. Dos yang disyorkan adalah 0.4 mg/kg (sehingga maksimum 25 mg setiap dos) dua kali seminggu sebagai suntikan subkutaneus dengan selang masa 3-4 hari antara setiap dos. Rawatan boleh dihentikan jika tiada respons dilihat selepas 4 bulan.

Pediatric plaque psoriasis
Bagi kanak-kanak berumur 6 tahun ke atas, dos yang disyorkan ialah 0.8 mg/kg (sehingga maksimum 50 mg setiap dos) satu kali seminggu sehingga 24 minggu. Rawatan lazimnya dihentikan jika masih

ENBREL SOLUTION FOR INJECTION IN A PRE-FILLED SYRINGE

Etanercept (25 mg, 50 mg)

tiada respons selepas 12 minggu rawatan. Ikut arahan doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi untuk bantuan. Doktor anda akan memberitahu jumlah Enbrel yang perlu diambil dan bila untuk mengambilnya. Jangan tukar dos Enbrel anda melainkan diberitahu oleh doktor anda. - <u>Bila perlu digunakan</u> Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Suntikan pertama akan diberikan oleh profesional kesihatan bertauliah untuk menunjukkan cara ia seharusnya diambil. Anda perlu mengikuti kaedah yang sama untuk menyuntik Enbrel ke bawah kulit. - <u>Berapa lama perlu digunakan</u> Teruskan pengambilan Enbrel untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda. - <u>Jika terlupa menggunakan</u> Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu untuk mengambil dos tersebut pada masa yang dijadualkan dan langkau dos yang terlepas. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas. - <u>Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)</u>	Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda fikir anda atau orang lain terambil dos berlebihan ubat ini. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Semasa menggunakan Enbrel - <u>Perkara yang perlu dilakukan</u> Beritahu doktor anda jika anda: - Mengalami sebarang tanda dan simptom jangkitan (demam, menggigil). - Mengalami sebarang jenis kanser sepanjang rawatan dengan Enbrel. Enbrel diberikan sebagai suntikan subkutaneus, yang bermakna ia disuntik ke bawah kulit anda. Anda perlu menyuntik Enbrel di kawasan seperti paha, abdomen atau lengan atas. Berikan setiap suntikan baharu sekurang-kurangnya 3 cm dari tempat suntikan sebelumnya. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Enbrel. Penutup jarum picagari pra-isi mengandungi lateks (getah asli kering). Individu atau penjaga seharusnya menghubungi doktor mereka sebelum menggunakan Enbrel jika penutup jarum akan disentuh oleh atau jika Enbrel akan diberikan kepada seseorang yang diketahui atau mungkin mengalami hipersensitiviti (alahan) kepada lateks. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini. Beritahu	doktor anda jika anda ingin menyusukan anak. Elakkan daripada menerima vaksin hidup semasa mengambil Enbrel. Sesetengah vaksin mungkin tidak berfungsi dengan baik semasa anda mengambil Enbrel. Secara amnya, pemberian vaksin hidup kepada bayi dalam masa 16 minggu selepas dos Enbrel yang terakhir diambil oleh ibunya adalah tidak disyorkan. Hadkan masa anda berada di bawah sinaran matahari dan cahaya UV. Tutup kulit anda dengan pakaian dan gunakan pelindung cahaya matahari yang mempunyai faktor perlindungan yang tinggi kerana risiko mendapat kanser kulit lebih tinggi dengan penggunaan Enbrel. - <u>Perkara yang tidak boleh dilakukan</u> Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor anda. Jangan berkongsi Enbrel dengan sesiapa pun, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama. - <u>Perkara yang perlu diberi perhatian</u> <i>Memandu dan menggunakan jentera</i> Tiada kajian formal yang telah dijalankan untuk mengkaji kesan Enbrel terhadap keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Kesan-kesan sampingan Seperti ubat-ubatan lain, Enbrel boleh menyebabkan kesan sampingan,
--	--	---

ENBREL SOLUTION FOR INJECTION IN A PRE-FILLED SYRINGE

Etanercept (25 mg, 50 mg)

walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil Enbrel.

Kesan sampingan yang amat lazim berlaku dengan Enbrel termasuk:

- Jangkitan (jangkitan saluran pernafasan atas, keradangan tiub paru-paru, keradangan pundi kencing dan jangkitan kulit)
- Tindak balas tempat suntikan (termasuk pendarahan, lebam, kemerahan, gatal, sakit, dan bengkak)

Kesan sampingan yang lazim berlaku dengan Enbrel termasuk:

- Tindak balas alahan
- Pembentukan autoantibodi
- Gatal
- Ruam
- Demam

Beritahu doktor anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang mengganggu anda atau yang tidak beransur pulih.

Ini bukan semua kesan sampingan Enbrel yang berkemungkinan berlaku. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-788355490, atau laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Enbrel

- Penyimpanan

Enbrel hendaklah disimpan di dalam peti sejuk pada suhu 2°C hingga 8°C (36°F hingga 46°F). Jangan bekukan.

Simpan picagari pra-isi dalam kotak luaran supaya dilindungi daripada cahaya matahari.

Jauhkan daripada jangkauan kanak-kanak.

- Pelupusan

Picagari pra-isi Enbrel dan jarum tidak boleh diguna semula.

Enbrel yang tidak digunakan, picagari, atau sisa seharusnya dilupuskan mengikut keperluan tempatan. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda untuk mendapatkan maklumat mengenai cara yang betul untuk melupuskan sisa tersebut.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Larutan Enbrel untuk suntikan tersedia sebagai picagari pra-isi.

Rupa fizikal: Larutan untuk suntikan dalam picagari pra-isi adalah jernih hingga warna pantulan cahaya, tidak berwarna hingga kuning hingga coklat pudar, dan cecair mungkin mengandungi sedikit zarah amorphous berwarna lut cahaya hingga putih dengan pH 6.3 ± 0.2 .

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Etanercept

- Bahan tidak aktif
Sucrose, sodium chloride, L arginine hydrochloride, sodium phosphate monobasic dihydrate, sodium

phosphate dibasic dihydrate dan water.

- Nombor MAL:

Picagari pra-isi 25 mg-
MAL20071720ARZ
Picagari pra-isi 50 mg-
MAL20071721ARZ

Pengilang

Dikilang oleh:
Pfizer Manufacturing Belgium NV
Rijksweg 12,
2870 Puurs-Sint Amands,
Belgium

Pemegang Pendaftaran Produk

Pfizer (Malaysia) Sdn. Bhd.
Level 10 & 11,
Wisma Averis, Tower 2,
Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi,
59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

03/01/2025

Nombor Siri:

NPRA(R3/01)17092019/0059

ENBREL SOLUTION FOR INJECTION IN A PRE-FILLED SYRINGE

Etanercept (25 mg, 50 mg)

Lampiran 1

Arahan penggunaan

Arahan untuk menyediakan dan melakukan suntikan Enbrel

Bahagian ini terdiri daripada beberapa subbahagian seperti berikut:

Pengenalan

Langkah 1: Membuat persediaan untuk melakukan suntikan

Langkah 2: Memilih tempat suntikan

Langkah 3: Menyuntik larutan Enbrel

Langkah 4: Melupuskan peralatan yang sudah digunakan

Pengenalan

Arahan berikut menerangkan cara-cara untuk menyediakan dan menyuntik Enbrel. Sila baca arahan dengan teliti dan ikut langkah demi langkah. Doktor anda atau pembantunya akan memberikan arahan kepada anda mengenai teknik untuk menyuntik diri sendiri atau melakukan suntikan pada kanak-kanak. Jangan cuba melakukan suntikan sehingga anda yakin bahawa anda sudah memahami cara-cara untuk membuat persediaan dan melakukan suntikan.

Larutan Enbrel tidak boleh dicampur dengan sebarang ubat lain sebelum digunakan.

Langkah 1: Membuat persediaan untuk melakukan suntikan

1. Pilih permukaan kerja yang terang, bersih dan rata.
2. Keluarkan bungkusan Enbrel yang mengandungi picagari praisi dari peti sejuk dan letakkannya di atas permukaan kerja yang rata itu. Bermula dari satu sudut di bahagian atas bungkusan, tarik penutup kertas untuk menanggalkannya dari bahagian atas dan sisi dulang. Keluarkan satu picagari praisi dan satu kapas beralkohol dan letakkannya di atas permukaan kerja. Jangan goncang picagari praisi Enbrel. Tutup semula dulang dengan penutup kertas dan simpan bungkusan yang mengandungi lebih picagari praisi itu ke dalam peti sejuk. Sila lihat bahagian 5 untuk mengetahui arahan penyimpanan Enbrel. Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai cara penyimpanan ubat ini, sila hubungi doktor, jururawat atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan arahan selanjutnya.
3. **Tunggu 15 hingga 30 minit sehingga larutan Enbrel di dalam picagari mencecah suhu bilik. JANGAN** tanggalkan penutup jarum semasa menunggu ubat ini mencecah suhu bilik. Langkah ini penting kerana larutan yang digunakan pada suhu bilik akan terasa lebih selesa apabila disuntik. Jangan panaskan Enbrel dengan sebarang cara lain (contohnya, jangan panaskannya di dalam ketuhar gelombang mikro atau dengan merendamnya di dalam air panas).
4. Sediakan bekalan tambahan yang anda perlukan untuk melakukan suntikan anda. Ini termasuk kapas beralkohol yang terdapat di dalam bungkusan Enbrel dan bebola kapas atau kain kasa.
5. Basuh tangan anda dengan sabun dan air suam.
6. Periksa larutan di dalam picagari. Ia mesti kelihatan jernih atau sedikit pudar, tidak berwarna hingga kuning pucat atau coklat pucat, dan mungkin mengandungi zarah protein halus yang berwarna putih atau hampir lut sinar. Ini adalah penampilan yang biasa untuk Enbrel. Jangan gunakan larutan sekiranya ia berubah warna, keruh, atau jika terdapat zarah lain selain daripada yang dinyatakan di atas. Sekiranya anda bimbang dengan rupa dan warna larutan, sila hubungi ahli farmasi anda untuk mendapatkan bantuan.


Langkah 2: Memilih tempat suntikan

ENBREL SOLUTION FOR INJECTION IN A PRE-FILLED SYRINGE

Etanercept (25 mg, 50 mg)

1. Tiga tempat yang disyorkan untuk suntikan dengan menggunakan picagari praisi Enbrel ialah: (1) bahagian depan paha tengah; (2) perut, kecuali kawasan 5 cm di sekeliling pusat; dan (3) bahagian luar lengan atas (lihat Rajah 1). Sekiranya anda menyuntik diri sendiri, anda tidak boleh menggunakan bahagian luar lengan atas.

Rajah 1




2. Tempat suntikan yang berbeza seharusnya dipilih untuk setiap suntikan baharu. Setiap suntikan baharu seharusnya diberikan sekurang-kurangnya 3 cm dari tempat yang sebelumnya. Jangan suntik pada kawasan di mana kulit terasa nyeri, lebam, kulit kemerahan atau keras. Elakkan kawasan yang mempunyai parut atau kesan regangan. (Anda disyorkan supaya membuat nota mengenai tempat suntikan yang telah digunakan bagi memudahkan tugas anda.)
3. Jika anda atau kanak-kanak tersebut menghidap psoriasis, elakkan daripada membuat suntikan secara terus pada mana-mana kawasan kulit yang timbul, tebal, merah atau bersisik (*“psoriasis skin lesions”*).

Langkah 3: Menyuntik larutan Enbrel

1. Bersihkan tempat suntikan Enbrel dengan kapas beralkohol dalam gerakan membulat. **JANGAN** sentuh kawasan ini lagi sebelum anda melakukan suntikan.
2. Ambil picagari praisi yang diletakkan di atas permukaan kerja. Tanggalkan penutup jarum dengan menariknya keluar secara lurus daripada picagari (lihat Rajah 2). **Berhati-hati supaya anda tidak membengkok atau memutarakan penutup semasa ia ditanggalkan bagi mengelakkan kerosakan pada jarum.**
Ketika anda menanggalkan penutup jarum, mungkin terdapat setitis cecair di hujung jarum; ini adalah perkara biasa. Jangan sentuh jarum atau biarkannya menyentuh sebarang permukaan. Jangan sentuh atau ketuk pelocok. Jika anda berbuat demikian, cecair akan menitis keluar.

Rajah 2




ENBREL SOLUTION FOR INJECTION IN A PRE-FILLED SYRINGE

Etanercept (25 mg, 50 mg)


3. Apabila kawasan kulit yang dibersihkan tadi sudah kering, cubit dan tahan kulit anda dengan menggunakan satu tangan. Dengan tangan yang satu lagi, pegang picagari seperti anda memegang pensel.
4. Dengan gerakan yang cepat dan stabil, tolak jarum sepenuhnya ke dalam kulit pada sudut 45° hingga 90° (lihat Rajah 3). Apabila anda sudah biasa melakukan suntikan ini, anda akan mengetahui sudut yang paling selesa untuk anda atau kanak-kanak tersebut. Berhati-hati supaya anda tidak menolak jarum ke dalam kulit dengan terlalu perlahan atau terlalu kuat.

Rajah 3



5. Setelah jarum dimasukkan sepenuhnya ke dalam kulit, lepaskan kulit yang anda cubit itu. Gunakan tangan ini untuk memegang pangkal picagari untuk menstabilkannya. Kemudian, tolak pelocok dengan tangan yang satu lagi untuk menyuntik semua larutan pada kadar yang **perlahan** dan stabil (lihat Rajah 4).

Rajah 4



6. Apabila picagari sudah kosong, dengan berhati-hati tarik jarum keluar dari kulit pada sudut yang sama seperti sudut ia dimasukkan. Mungkin terdapat sedikit pendarahan di tempat suntikan. Anda boleh menekan bebola kapas atau kain kasa di tempat suntikan selama 10 saat. Jangan gosok tempat suntikan. Jika perlu, anda boleh menutup tempat suntikan dengan pembalut luka.

Langkah 4: Melupuskan peralatan yang sudah digunakan

- Picagari praisi adalah untuk sekali guna sahaja. Picagari dan jarum **TIDAK BOLEH** digunakan semula. **JANGAN** pasang semula penutup jarum. Lupuskan jarum dan picagari sepertimana yang diarahkan oleh doktor, jururawat atau ahli farmasi anda.

Jika anda mempunyai sebarang soalan, sila berbincang dengan doktor, jururawat atau ahli farmasi yang telah biasa dengan penggunaan Enbrel.

ENBREL SOLUTION FOR INJECTION IN A PRE-FILLED SYRINGE

Etanercept (25 mg, 50 mg)

PLD- ENBREL - 0125